



جَابِتْ إِيمَانَكُمْ إِنَّمَا الْمُنْتَهَىُ الْعُوْذُونَ

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

Tingkat 1, Menara Selatan,
Bangunan Sultan Idris Shah,
No. 2, Persiaran Masjid, Bukit SUK, Seksyen 5,
40676 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN

Tel : 03-5514 3600
Faks : 03-5510 3368
Laman Web : www.jais.gov.my
Email : info@jais.gov.my



Ruj. Kami : JAI.SEL.BPM/01/006/2.JLD.4 (31)
Tarikh : 28 Jumadal Ula 1442H

12 Januari 2021M

اللَّهُمَّ إِنِّي عَلَيْكُ بِرَحْمَةِ اللَّهِ وَبِرَحْمَةِ أَبِيكَ رَسُولِ اللَّهِ وَبِرَحْمَةِ أَئِمَّةِ الْمُسْلِمِينَ أَعُوذُ بِكَ

S.F Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

Semua Pengurus Masjid Daerah Negeri Selangor

Semua Pengurus Masjid Diraja Negeri Selangor

Semua Pengurus Masjid Naik Taraf Negeri Selangor

Semua Nazir Masjid Institusi Negeri Selangor

Semua Nazir Masjid Kariah Negeri Selangor

Semua Pengerusi Surau Negeri Selangor

YBhg. Tan Sri/ Dato' Seri/ Dato'/ Tuan,

KETETAPAN PELAKSANAAN SOLAT FARDHU JUMAAT DAN SOLAT FARDHU LIMA (5) WAKTU DAN AKTIVITI PENGIMARAHAN DI SELURUH MASJID DAN SURAU NEGERI SELANGOR DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

Dengan segala hormatnya izinkan saya menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Dato' Seri/ Dato'/ Tuan berhubung perkara yang tersebut di atas.

2. Sebagaimana diketahui melalui pengumuman rasmi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia pada 11 Januari 2021, bahawa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akan dilaksanakan di enam (6) buah negeri di Malaysia termasuk Negeri Selangor mulai **13 - 26 Januari 2021**. Pelaksanaan PKP tersebut adalah bertujuan untuk mengekang penularan gelombang ketiga pandemik Covid-19 yang bermula pada 20 September 2020 dan semakin tinggi sehingga menjangkau angka empat (4) digit penularan mutakhir ini.

3. Sehingga 11 Januari 2021 trend penularan positif Covid-19 di Malaysia telah berubah di mana 70% daripadanya melibatkan warganegara dan 30% bukan warganegara. Apa yang lebih membimbangkan kadar penularan (R-naught) yang semakin tinggi akan mengakibatkan penularan wabak ini semakin sukar dikawal dan membuktikan virus Covid-19 kini telah berada dalam komuniti dan perlu dikawal dengan lebih serius oleh semua agensi. Tambahan pula semua pihak perlu bersimpati dengan realiti di mana banyak fasiliti dan aset Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di seluruh negara telah digunakan secara maksimum dan dikuatir tidak dapat menampung pesakit Covid-19.

CEKAP, CEPAT DAN BERKUALITI



MS ISO 9001:2008
REG. NO. AR 3263

4. Memahami situasi penularan yang sedang berlaku ketika ini maka Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dalam usaha membantu semua agensi pelaksana barisan hadapan (*frontliners agencies*) membuat ketetapan mengenai aktiviti pengimaranan masjid dan surau Negeri Selangor seperti berikut :-

4.1 Pelaksanaan Solat Fardhu Jumaat

Solat Fardhu Jumaat di semua 425 masjid dan 278 Surau Kebenaran Solat Jumaat di Negeri Selangor adalah **ditangguhkan**. Sebagai ganti, para jemaah hendaklah menunaikan Solat Fardhu Zohor di kediaman masing-masing. Walaubagaimanapun, bagi lima (5) orang petugas masjid dan Surau Kebenaran Solat Jumaat yang dijadualkan bertugas boleh mendirikan Solat Fardhu Jumaat berdasarkan **surat rasmi Jabatan Mufti Selangor Mufti Sel.400-22 Jld. 21 (65) bertarikh 27 Oktober 2020** yang menjelaskan keharusan mendirikan Solat Fardhu Jumaat pada bilangan kecil yang terhad.

4.2 Solat Fardhu Lima (5) Waktu Berjemaah

Perlaksanaan Solat Fardhu Lima (5) Waktu berjemaah di semua 425 masjid dan 2025 buah surau adalah **ditangguhkan** sehingga suatu pemakluman dibuat mengenainya kemudian. Ketika ini **hanya lima (5) orang jawatankuasa dibenarkan** untuk bertugas dan mendirikan solat fardhu. Umat Islam di Negeri Selangor adalah diminta untuk menghadapi situasi ini dengan sabar dan mendirikan solat fardhu di kediaman masing-masing.

4.3 Pengurusan Jenazah

Pengurusan jenazah boleh dilaksanakan di masjid dan surau. Walaubagaimanapun kehadiran ahli keluarga terdekat dihadkan tidak melebihi 10 orang, tidak termasuk petugas pengurusan jenazah serta jawatankuasa masjid dan surau yang ditugaskan oleh pentadbir. Pekeliling Bil. (13) JAI.SEL.BPM/01/006/2.JLD 3 bertarikh 9 Oktober 2020 mengenai Panduan Pengurusan Jenazah Semasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) Di Masjid Dan Surau Negeri Selangor Bagi Menangani Penularan Covid-19 adalah penting menjadi rujukan semua pentadbir masjid dan surau.

4.4 Aktiviti-aktiviti Pengimaranan

Aktiviti pengimaranan masjid dan surau sepanjang tempoh PKP seperti kuliah, ceramah dan tazkirah **hendaklah ditangguhkan**. Namun, kuliah

atau tazkirah secara on line dan Fb live yang dibuat di kediaman penceramah atau pentazkirah untuk dikongsikan kepada ahli kariah adalah dibenarkan. Begitu juga pelaksanaan **Program Selangor Berdoa Dan Bermunajat boleh diteruskan** oleh petugas masjid dan surau yang bertugas.

4.5 Kemudahan Solat Untuk Musafir

Walaupun PKP dilaksanakan dan hanya dibenarkan petugas masjid dan surau hadir ke masjid atau surau , namun pihak pentadbir masjid atau surau adalah dikehendaki untuk **memberi akses kepada musafir** yang yang memerlukan kemudahan memunaikan solat di ruang sudut musafir yang disediakan. Namun, pentadbir masjid dan surau hendaklah turut memastikan agar kemudahan tersebut tidak disalahgunakan oleh jemaah yang bermusafir.

4.6 Pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP)

Jawatankuasa yang ditetapkan oleh pentadbir masjid atau surau, jemaah musafir atau waris-waris yang hadir untuk menziarahi dan menguruskan jenazah di masjid atau surau hendaklah terus mematuhi SOP yang ditetapkan oleh pihak jabatan ini khasnya:

- a. Memakai penutup mulut dan hidung (*face mask*);
- b. Pemakaian *hand sanitizer* ketika hadir dan pulang dari masjid;
Membawa sejadah masing-masing;
- c. Berwudhuk dari rumah;
- d. Jemaah yang tidak sihat dan mempunyai bacaan suhu lebih dari 37.4 darjah celcius adalah dilarang sama sekali untuk hadir;
- e. Sentiasa mengekalkan penjarakan fizikal, dan
- f. Merekodkan kehadiran menggunakan aplikasi *Mysejahtera* atau *SELangkah*

5. Ketetapan ini akan berkuatkuasa pada 13 Januari 2021 mulai waktu Solat Fardhu Subuh sehingga suatu ketetapan baru dikeluarkan oleh jabatan ini secara rasmi yang akan dimaklumkan dari semasa ke semasa. Jabatan ini ingin mengingatkan bahawa Pentadbir Masjid dan Surau Negeri Selangor adalah dikehendaki untuk mematuhi ketetapan ini dalam usaha untuk membantu semua agensi yang berkaitan dalam mengawal penularan wabak dan mengembalikan kehidupan masyarakat dalam persekitaran kehidupan yang selesa dan selamat.

6. Jabatan ini amat mengharapkan agar YBhg. Tan Sri / Dato' Seri / Dato' /Tuan dapat memberi kerjasama penuh kepada pihak MAIS, Jabatan Mufti, JAIS dan agensi-agensi berkuasa yang lain dalam memastikan pandemik Covid-19 dapat berjaya dicegah sepenuhnya.

Segala perhatian dan kerjasama semua pihak dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih

Sekian, wassalam.

"SELANGOR MAJU BERSAMA"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' HAJI MOHD SHAHZIHAN BIN AHMAD) D.P.M.S., P.P.T
Pengarah
Jabatan Agama Islam Selangor

Salinan Kepada:

1. Y.A.D. Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Bin Mohd. Yusof
Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor
2. S.S. Dato' Setia Hj. Mohd Tamyes Bin Abd Wahid
Mufti Negeri Selangor
3. Y.B. Tuan Mohd Zawawi bin Ahmad Mughni
Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Islam,
Negeri Selangor
4. Y.D.H Dato' ACP Arjunaidi Bin Mohamed
Pemangku Ketua Polis Negeri Selangor
5. Y.Bhg. Dato' Indera Dr. Sha'ari Bin Ngadiman
Pengarah Kesihatan Negeri Selangor
6. Dato' Haji Mohamad Munir bin Bani
Dato' Lela Bakti
Setiausaha Sulit Kepada D.Y.M.M Sultan Selangor
7. YBhg. Puan Faizatul Aini Binti Mohd Adnan
Pengarah,
Majlis Keselamatan Negara, Negeri Selangor
8. Semua YDH Orang Besar Daerah
9. Semua A.F Pegawai Tadbir Agama Islam Daerah
10. Pejabat Timbalan Pengarah Operasi
11. Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Penguatkuasaan JAIS